

# SABAH TUMPU BUDAYAKAN STI

● Laksana beberapa program pembangunan baharu dengan bantuan MaPTIS, kata Hajiji UB 25.08.2023 P.01

Oleh Siti Aisyah Narudin

## KOTA KINABALU:

Kerajaan negeri menitikberatkan dan terus memberi tumpuan kepada usaha pembangunan dan pembudayaan bidang Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) di negeri ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Hajiji Haji Noor berkata, bagi menggiatkan pembangunan dan pengaplikasian STI di peringkat akar umbi, kerajaan negeri dengan bantuan Majlis Pembangunan Teknologi dan Inovasi Sabah (MaPTIS) melaksanakan beberapa program baharu.

Katanya, ia termasuk Program Jelajah Sabah Maju Jaya (SMJ) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (KSTI), Majlis Anugerah Sains Sabah, Program Jelajah Astronomi Sabah, dan Sabah Malaysia Techlympics 2023.

Menurutnya, 'Digital Internet Of Thing' (IoT) Sandbox yang pertama di Borneo beroperasi sepenuhnya di Kota Kinabalu bertujuan menggalakkan masyarakat berdaya kreatif dan berinovasi, di samping meningkatkan pengkomersialan hasil inovasi tempatan.

"Kerajaan negeri juga akan meneruskan program inovasi masyarakat luar bandar melalui Pusat Ekonomi Digital (PEDd) dan Pusat e-Desa. Kita juga merancang untuk menubuhkan Pusat Sains dan Inovasi di setiap



**GERAN:** Mohd Arifin (tengah) menyaksikan Arthur (dua kiri) menyampaikan geran CIP Spark kepada penerima pada majlis itu.

zon.

"Projek yang sedang dalam proses untuk pelaksanaannya ini merangkumi pembinaan Pusat Sains dan 'Maker Space' di Perpustakaan Negeri Cawangan Sandakan dan Tawau.

"Justeru, kerajaan negeri akan mewujudkan lebih banyak perpustakaan di Sabah yang dilengkapi dengan bahan bacaan dan sumber-sumber rujukan terkini berkaitan STI,"

katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Karnival Minggu Sains Negara (MSN) 2023 Peringkat Negeri Sabah dan Malaysia Techlympics 2023 Peringkat Zon Sabah di sini semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr. Mohd Arifin Mohd Arif. Turut hadir, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk

Arthur Joseph Kurup.

Hajiji berkata, pelaksanaan Malaysia Techlympics 2023 adalah pertandingan berteraskan STI yang dirangka untuk menarik minat para pelajar dan belia khususnya dalam mempelajari teknologi terkini serta mengaplikasinya secara lahiriah menerusi ciptaan-ciptaan inovasi seperti robotik dan dron.

Menurutnya, jumlah penyertaan pada Malaysia

Techlympics bagi negeri Sabah meningkat tahun ini daripada 31,955 pada 2022 kepada 78,884 pada 2023.

Katanya, kerajaan negeri sentiasa menyokong dan menyambut baik inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI).

Beliau berkata, kolaborasi strategik kerajaan negeri bersama MOSTI melalui KSTI Sabah termasuklah

Kembara Sains Borneo yang sedang berlangsung bermula 21 Ogos lalu hingga 1 Oktober 2023 meliputi kawasan-kawasan seperti Kudat, Kota Marudu, Pitas, Kimanis, Kalabakan, dan Pensiangan.

Sehubungan itu, Hajiji berharap anak-anak Sabah dapat memanfaatkan inisiatif berkenaan khususnya dalam menggerakkan pelaksanaan pelbagai inisiatif, program dan aktiviti serta mewujudkan kesedaran dan pembudayaan STI secara bersepadu.

"Ketersediaan kerajaan negeri dalam membantu menjayakan pelaksanaan Karnival MSN 2023 Peringkat Negeri Sabah dan Malaysia Techlympics 2023 Peringkat Zon Sabah adalah manifestasi komitmen kita bagi membudayakan STI dalam kalangan rakyat setempat.

"Pelaksanaan karnival ini juga untuk meraikan kepelbagaian STI dan memberi peluang kepada penggerak dan pengamal STI tempatan mengetingkatkan teknologi dan inovasi mereka kepada seluruh rakyat Sabah khususnya golongan sasar belia dalam bidang teknologi," jelasnya.

Beliau turut menyeru kepada anak-anak Sabah agar mengambil bahagian dalam karnival itu dan Malaysia Techlympics 2023 Peringkat Zon Sabah dengan pengisian dari MOSTI dan rakan-rakan strategik lain yang berlangsung sehingga Oktober 2023.